



Diaspora Masyarakat Jawa di Sarawak: Kesan terhadap Geografi Kependudukan, Budaya dan Ekonomi

YUSSRI SAWANI^{1, a}, AZLINA BUJANG^{1, b}, AIZA JOHARI^{3, c}, ZAINON HAJI BIBI^{4, d}, SITI HUZAIMAH SAHARI^{5, e}

¹Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

^ayussrii@uitm.edu.my, ^bazlina80@uitm.edu.my

^caiza@uitm.edu.my, ^dzaino054@uitm.edu.my, ^ehuzaimahs@uitm.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan dalam mengenalpasti kependudukan masyarakat berketurunan Jawa di Sarawak, Malaysia. Kajian ini dijalankan secara kualitatif secara temubual berfokus terhadap kumpulan masyarakat Jawa di lokasi penempatan utama di Negeri Sarawak, Malaysia. Dapatan dari kajian ini mendapati penghijrahan orang Jawa ke Sarawak pada awal 1900-an telah memainkan peranan penting dalam membentuk landskap budaya dan sosio-ekonomi rantau ini. Penghijrahan ini didorong oleh pelbagai faktor, termasuk permintaan buruh dalam industri perladangan dan usaha pengambilan pentadbiran kolonial British. Pendatang Jawa bukan sahaja termasuk pekerja tetapi juga kumpulan agama dan politik, seperti ulama, yang memainkan peranan penting dalam masyarakat. Penghijrahan ini juga mempunyai implikasi kepada identiti budaya dan geografi kependudukan kerana diaspora Jawa berusaha untuk mengekalkan warisan mereka dan mengekalkan identiti tersendiri mereka dalam persekitaran baru. Walau bagaimanapun, cabaran dan isu timbul, seperti yang berkaitan dengan peraturan migrasi dan kesan kepada masyarakat. Secara keseluruhannya, penghijrahan orang Jawa ke Sarawak pada awal tahun 1900-an mempunyai pengaruh pelbagai aspek terhadap perkembangan dan dinamik budaya rantau ini. Sumbangan dari kajian ini dapat memberi penjelasan mengenai diaspora masyarakat Jawa di Sarawak yang selama ini kurang mendapat perhatian dalam penyelidikan etnografi berbanding dengan tempat-tempat lain di Malaysia. Kajian ini merupakan satu kajian yang berfokus kepada penghijrahan masyarakat keturunan Jawa di awal era koloni British dan penjajahan Jepun.

Keywords: Diaspora, Jawa, Migrasi, Warisan Budaya, Sarawak

1. Pengenalan

Diaspora Masyarakat Jawa di Sarawak merujuk kepada perpindahan penduduk dari Jawa, Indonesia, ke Sarawak, Malaysia. Pergerakan ini telah membawa berbagai implikasi dalam berbagai aspek kehidupan di Sarawak. Kertas kerja ini akan membincangkan diaspora tersebut terhadap geografi, kependudukan, budaya, dan ekonomi Sarawak. Meskipun diaspora ini membawa perubahan, namun ianya juga menyumbang pada kepelbagaian budaya dan pembangunan ekonomi Sarawak. Adalah amat penting bagi pihak kerajaan yang mentadbir Sarawak dan masyarakat setempat untuk memahami dan menghargai sumbangan masyarakat Jawa ini dalam mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan kaya dengan adat dan budaya di Sarawak. Kertas kerja ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu, latar belakang kajian, kajian literatur, metodologi, dapatan kajian, perbincangan dan diakhiri dengan rumusan. Diharapkan dengan adanya kertas kajian ini akan memberi lembaran baru dalam penyelidikan yang berkenaan dengan penempatan masyarakat Jawa yang ada di Sarawak.

2. Latar Belakang kajian

Masyarakat Jawa di Sarawak merupakan salah satu suku bangsa di Indonesia yang masih memiliki latar belakang budaya Jawa. Namun, populasi Jawa di Sarawak cuma minoriti dan tidak sebesar suku-suku Dayak atau Cina yang merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Sarawak. Terdapat beberapa penempatan masyarakat Jawa dikenali untuk kajian ini: Kampung Sg Tengah Kolong 2, Kampung Sg Tengah Kolong 1, Kampung Sri Arjuna, Kampung Haji Baki (Blok C), Kampung Semenggok Batu 12, Kampung Semenggok (Lot), Kampung Gunda, Kampung Sg Menaul dan Kampung Sg Bandung. Masyarakat Jawa diklasifikasikan sebagai Melayu di Semenanjung Malaysia namun demikian mereka dikategorikan dalam kelompok bangsa yang berseza dari kaum Melayu di Sarawak. Oleh itu, pengekal budaya Jawa dalam kehidupan mereka amat dititikberatkan kerana merupakan salah satu cara mengekalkan Jawa dalam diri mereka dan untuk kesinambungan kepada generasi yang akan datang. Kajian ini adalah untuk mengkaji penempatan masyarakat Jawa di Sarawak yang khususnya kepada sejarah penempatan dan faktor migrasi. Selain itu, kajian ini melihat kepada kegiatan ekonomi dan sosial serta mengenalpasti adat, bahasa dan budaya Jawa yang masih digunakan dalam kehidupan mereka. Akhir sekali, kajian ini juga melihat kepada cabaran dan harapan mereka sebagai minoriti masyarakat Jawa di Sarawak.



Skop kajian telah menggunakan kaedah wawancara atau temubual yang dijalankan ke atas sekumpulan masyarakat Jawa yang terdiri dari 12 ketua-ketua masyarakat Jawa bagi setiap lokasi kependudukan utama masyarakat Jawa di sekitar Bahagian Kuching di Sarawak dan ahli Jawatankuasa Persatuan Masyarakat Jawa Sarawak, di lokasi penempatan utama di Negeri Sarawak, iaitu bahagian Kuching, dan kaedah tersebut merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk memahami masyarakat setempat secara lebih mendalam. Kajian ini merupakan satu kajian awal bagi mengenalpasti masyarakat Jawa di Sarawak terutamanya dari segi sosio-ekonomi dan sosio-budaya mereka. Disamping itu, kajian ini adalah titik permulaan bagi mengumpul dan menyimpan data dan mendokumentasikan latar belakang masyarakat Jawa di Sarawak.

3. Kajian Literatur

Masyarakat Jawa di Malaysia merupakan salah satu kelompok etnik yang signifikan secara demografi. Menurut data demografi, populasi masyarakat Jawa di Malaysia terus bertumbuh seiring dengan perpindahan dan migrasi antara Indonesia dan Malaysia. Mereka membawa dengan mereka warisan budaya dan tradisi Jawa yang kaya, serta memainkan peranan penting dalam kepelbagaian budaya dan sosial di Malaysia. Masyarakat Jawa di Malaysia terlibat dalam berbagai sektor ekonomi dan memiliki kontribusi yang pelbagai dalam pembangunan negara, menjadikan mereka sebagai komuniti yang berpengaruh dalam lanskap demografi Malaysia. Penempatan masyarakat keturunan Jawa di Malaysia juga telah memberikan sumbangan kepada pembangunan luar bandar. Kajian Ahmad et al. (2016) menunjukkan bahawa rancangan penempatan semula FELDA dan program transformasi luar bandar telah membantu meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar, termasuk masyarakat keturunan Jawa. Usahawan luar bandar keturunan Jawa juga telah berperanan dalam pembangunan ekonomi luar bandar. Namun, masih terdapat kekurangan penyelidikan dalam aspek keusahawanan luar bandar, terutamanya dalam konteks orientasi berdasarkan peluang keusahawanan dan hubungannya dengan modal insan (Ghazali et al. 2021).

Dalam konteks kebudayaan, masyarakat keturunan Jawa di Malaysia telah melestarikan tradisi dan budaya mereka. Kajian Mubarak et al. (2022) menunjukkan bahawa tradisi Jawa masih dijalankan oleh masyarakat keturunan Jawa. Tradisi ini merupakan sebahagian dari warisan budaya yang diwariskan dari generasi ke generasi. Komuniti Muslim keturunan Jawa di Malaysia juga telah menunjukkan kemampuan untuk menyelaraskan hukum adat dan hukum Islam dalam berbagai aspek kehidupan mereka. Sebuah kajian Rafianti et al. (2021) yang dilakukan di Selangor dan Johor menguji *dialektika* antara hukum adat dan hukum Islam dalam konteks tradisi pernikahan. Temuan penelitian menunjukkan bahwa komuniti Muslim keturunan Jawa di Malaysia dapat menggabungkan hukum adat dengan hukum pernikahan Islam secara seimbang. Mereka menjaga tradisi pernikahan Jawa dengan menyelaraskan adat Melayu dan hukum pernikahan Islam, seperti *rewang* (saling membantu), *slametan* (berdoa bersama), *tunangan*, *ijaban* (pernikahan), dan *nyumbang* (beramal). Hal ini berkontribusi pada pemeliharaan tradisi Jawa mereka sambil tetap mematuhi prinsip-prinsip Islam.

Migrasi kaum Jawa ke Malaysia telah menjadi fenomena yang signifikan dalam beberapa dekad terakhir. Banyak faktor yang mempengaruhi keputusan migrasi ini, termasuk peluang kerja yang lebih baik, peningkatan pendapatan, dan keinginan untuk mencari pengalaman baru di luar negeri (Suroso, 2020). Masyarakat Jawa yang bermigrasi ke Malaysia telah memberikan kontribusi yang signifikan dalam berbagai sektor, termasuk industri, perdagangan, dan jasa (Mujiburrahmad, 2021). Mereka membawa dengan mereka keahlian dan keterampilan yang berharga, serta memperkaya keberagaman budaya di Malaysia. Selain itu, migrasi Jawa juga telah membentuk komuniti yang kuat dan solid di Malaysia, dengan mempertahankan tradisi dan budaya mereka serta membangun hubungan sosial yang erat dengan masyarakat setempat. Migrasi Jawa ke Malaysia dipengaruhi oleh berbagai faktor. Studi Sugandi & Heryadi (2018) menunjukkan bahwa faktor pendorong (*push factor*) seperti kurangnya peluang kerja, kemiskinan, dan konflik sosial di Jawa dapat mendorong individu untuk mencari kehidupan yang lebih baik di Malaysia. Di sisi lain, faktor penarik (*pull factor*) seperti peluang kerja yang lebih baik, tingkat upah yang lebih tinggi, dan stabilitas politik di Malaysia menjadi daya tarik bagi masyarakat Jawa untuk bermigrasi ke negara tersebut. Selain itu, faktor-faktor seperti hubungan budaya dan sejarah antara Jawa dan Malaysia juga dapat mempengaruhi keputusan migrasi individu.

Mujiburrahmad (2021) telah mengenalpasti faktor-faktor yang berhubungan dengan migrasi penduduk Jawa ke Malaysia. Faktor-faktor tersebut meliputi faktor ekonomi, seperti peluang kerja dan penghasilan yang lebih tinggi di Malaysia, serta faktor sosial dan budaya, seperti adanya komunitas Jawa yang sudah ada di Malaysia dan hubungan keluarga atau teman yang sudah bermigrasi sebelumnya. Selain itu, faktor-faktor seperti stabilitas politik dan keamanan di Malaysia juga dapat mempengaruhi keputusan migrasi individu. Secara keseluruhan, migrasi Jawa ke Malaysia dipengaruhi oleh faktor-faktor pendorong dan penarik yang meliputi kondisi ekonomi, sosial, budaya, dan politik di Jawa dan Malaysia. Faktor-faktor ini saling berinteraksi dan mempengaruhi keputusan individu untuk bermigrasi ke Malaysia dalam mencari peluang dan kehidupan yang lebih baik. Dalam kesimpulannya, masyarakat keturunan Jawa di Malaysia telah menunjukkan kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan budaya tempatan, memelihara tradisi dan



budaya mereka, serta memberikan sumbangan kepada pembangunan luar bandar dan sektor pariwisata. Penelitian lebih lanjut diperlukan untuk memahami lebih dalam peran dan kontribusi masyarakat keturunan Jawa dalam konteks Negeri Sarawak khususnya.

4. Metodologi

Kajian ini dijalankan secara kualitatif melalui proses temu wawancara kumpulan berfokus dengan merujuk beberapa kajian terdahulu yang mempunyai konteks penyelidikan serupa (Braun & Clarke (2006); Kruege & Casey (2009); Merton et al. (1990) dan Miranda & Yulianti (2020)). Responden kajian merupakan para ketua-ketua masyarakat Jawa bagi setiap lokasi kependudukan utama masyarakat Jawa di sekitar Bahagian Kuching di Sarawak dan ahli Jawatankuasa Persatuan Masyarakat Jawa Sarawak. Seramai 12 orang telah dilibatkan dalam proses temubual yang dijalankan. Temubual juga telah diadakan bersama tiga orang pengamal adat bagi mendapatkan maklumat berkaitan adat resam yang sekarang ini masih diikuti serta adat-adat yang pernah dijalankan terdahulu. Kajian ini dilakukan melalui tiga proses utama yang dilakukan. Pertama, peneliti melakukan perencanaan dan persiapan, termasuk menentukan tujuan penelitian, memilih responden yang relevan, dan merancang panduan wawancara. Kedua, peneliti melakukan wawancara kumpulan berfokus dengan responden yang terdiri dari sekelompok orang yang memiliki pengalaman, pandangan, atau sikap yang relevan dengan topik diaspora Jawa di Sarawak. Wawancara dilakukan dengan mengikuti panduan wawancara yang telah disiapkan sebelumnya. Ketiga, setelah wawancara selesai, peneliti menganalisis data yang diperoleh. Proses analisis data melibatkan pengkodean, analisis tematik, dan identifikasi pola atau temuan yang muncul dari data wawancara. Analisis data ini bertujuan untuk memahami dan menginterpretasikan informasi yang diperoleh dari informan, serta mengidentifikasi tema atau pola yang relevan dengan tujuan penelitian.

5. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat tajuk utama iaitu penempatan Jawa di Sarawak, faktor-faktor migrasi, kegiatan ekonomi dan sosial, adat dan budaya dan akhir sekali cabaran yang harapan masyarakat Jawa di Sarawak

5.1 Penempatan Jawa di Sarawak

Penempatan masyarakat Jawa di Sarawak tertumpu kepada Bahagian Kuching Sarawak. Penempatan awal bermula dari penempatan generasi pertama di Kampung Sungai Tengah Kolong 2, Kampung Sungai Tengah Kolong 1 dan Kampung Haji Baki. Penempatan di Kampung Sungai Tengah Kolong 2 bermula dengan penerokaan tanah di pinggir ladang getah dan ladang kopi di kawasan tersebut. Sementara di Kampung Haji Baki, penempatan masyarakat Jawa bermula dengan perpindahan para pekerja Jawa di Estet Dahan di Bau yang meneroka penempatan di Kampung Haji Baki. Seterusnya berlaku penempatan sekunder ke beberapa lokasi penempatan di sekitar Kuching oleh beberapa individu generasi pertama dan kedua di Kampung Seri Arjuna, Kampung Gunda, Kampung Jawa Batu 12, Kampung Sungai Menaul, Kampung Sungai Bandung dan juga Kampung Munggu Limo di Serian. Perpindahan ini kebanyakan berlaku secara pembelian tanah berstatus "Mixed Zone" di kawasan berkenaan oleh masyarakat Jawa generasi kedua. Kebanyakan penduduk yang mendiami kampung-kampung ini adalah di kalangan generasi kedua dan ketiga. Generasi keempat telah tersebar luas ke merata tempat kerana faktor pekerjaan dan perkahwinan campur. Rajah 1 menjelaskan demografi penempatan Jawa di Sarawak

Kampung Sg Tengah Kolong 2	1200
Kampung Sg Tengah Kolong 1	1000
Kampung Sri Arjuna	800
Kampung Hj Baki (Block C)	800
Kampung Semenggok Batu 12	800
Kampung Semenggok (Lot)	800
Kampung Gunda	500
Kampung Sg Menaul	450
Kampung Sg Bandung	390





Rajah 1: Penempatan Masyarakat Jawa di Sarawak

Sistem kepimpinan masyarakat Jawa di penempatan awal di Kampung Sungai Tengah dijalankan secara bersistematik dimana ianya di ketuai oleh Ketua Kampung yang dilantik atas dasar pengaruh dan status ekonomi. Perlantikan pertama Ketua Kampung adalah Tuan Hj Kasanmunadi Bin Karto dan seterusnya oleh Tuan Hj Dahlan Bin Cokrodemejo. Selepas itu pelantikan Ketua Kaum juga dilantik di kampung-kampung sekunder. Rajah 2 dan 3 menunjukkan bukti ketua-ketua kampung yang awal.



Rajah 2: Ketua Kampung Tn Hj Kasanmunadi



Rajah 3: Ketua Kampung Tn Hj Dahlan Bin Cokrodemejo

Di awal penempatan masyarakat Jawa di Kampung Sungai Tengah, seorang tokoh bangsawan juga dilantik yang menjadi perantara masyarakat Jawa dengan pemerintah disekitar tahun 60an. Beliau merupakan seorang berketurunan Sunda yang menikahi seorang ibu tunggal dari keturunan Jawa. Diatas faktor adat yang menghalang perkahwinan mereka, mereka telah “lari” ke Sarawak untuk memulakan kehidupan. Nama asal tokoh tersebut adalah Raden Abadah. Walaubagaimanapun beliau telah menukar identiti beliau kepada Emon bin Chondro bagi mengelakkan dipaksa pulang ke Chiamis di Jawa Tengah. Rajah 4 menunjukkan foto Raden Abadah @ Emon Bin Chondro bersama isterinya Embah Samijan.



Rajah 4: Raden Abadah @ Emon Bin Chondro bersama isterinya

Selain dari itu terdapat juga beberapa koleksi foto penduduk awal Jawa di Sarawak seperti ditunjukkan dalam Rajah 5.



Rajah 5: Penduduk awal Masyarakat Jawa



1.1 Faktor-faktor migrasi

Migrasi masyarakat keturunan Jawa ke Sarawak di awal tahun 1940an adalah semasa pemerintahan British untuk bekerja sebagai buruh ladang di Estet Dahan di Daerah Bau dan Estet Sungai Tengah di Bahagian Kuching. Mengikut maklumat dari temuduga bersama ketua-ketua kaum dan individu-individu veteran, para buruh ini didatangkan dari Jawa Tengah seperti dari sekitar Yogyakarta, Solo dan juga Semarang. Terdapat juga yang telah datang dari Jawa Barat, seperti Surabaya dan sekitarnya. Ini dibuktikan dengan adanya perbezaan sukukata Jawa yang digunakan oleh Masyarakat Jawa yang berbeza leluhur yang menggunakan dialek *Arekan* dari Jawa Barat dan dialek *Mataraman* dari Jawa Tengah. Sebagai contoh istilah “dekat” menggunakan kosakata Jawa *Mataraman* “*Cedek*” dan juga menggunakan kosakata *Arekan* “*cedak*”. Istilah “itu” juga menggunakan kosakata Mataraman “*kae*” dan kosakata *Arekan* “*iku*”. Terdapat juga migrasi dari kumpulan pengamal seni yang didatangkan oleh British dalam menyediakan hiburan atau diistilahkan sebagai “*Tanggapan*” kepada pekerja buruh. Kumpulan ini diketuai oleh Embah Dalang bersama kumpulan seni *Wayang Bangsawan Punokawan* yang antaranya adalah Tuan Haji Kasanmunadi Bin Karto. Beliau memainkan watak “*Gareng*” yang kerana mempunyai penampilan fizikal yang melucukan.

Migrasi dalaman di Sarawak berlaku di peringkat awal dengan penerokaan tanah berhampiran dengan estet semasa para mereka bekerja sebagai buruh ladang. Kawasan penempatan di Kampung Sungai Tengah Kolong 1 & 2 bermula dengan penerokaan oleh keluarga Embah Kartak, Embah Parman, Embah Asmonadi dan Embah Dalang. Keturunan peneroka ini telah menjadi keluarga besar masyarakat Jawa di Sarawak yang sehingga generasi kelima setakat ini. Penempatan di Kampung Haji Baki juga melalui proses penerokaan oleh buruh dari Estet Dahan, namun demikian tiada maklumat mengenai peneroka tersebut. Pola migrasi kedua berlaku ke kampung-kampung sekunder yang kebanyakan dilakukan oleh generasi kedua secara pembelian tanah berstatus “mixed zone”. Ini adalah kerana Masyarakat Keturunan Jawa tidak tersenarai dalam senarai bumiputera atau pribumi seperti yang ditulis dalam *Article 161A (7), Federal Constitution 1963 amended 2009* yang menyatakan:

“(7) The races to be treated for the purposes of the definition of “native” in Clause (6) as indigenous to Sarawak are the Bukitans, Bisayahs, Dusuns, Sea Dayaks, Land Dayaks, Kadayans, Kalabits, Kayans, Kenyahs (including Sabups and Sipengs), Kajangs (including Sekapans, Kejamans, Lahanans, Punans, Tanjongs and Kanowits), Lugats, Lisums, Malays, elanos, Muruts, Penans, Sians, Tagals, Tabuns and Ukits.”

Pola ketiga merupakan migrasi bagi kebanyakan generasi keempat yang keluar dari kampung primer dan sekunder ke Kawasan lain di Sarawak dan luar Sarawak berbasis kepada keperluan pekerjaan dan juga perkawinan campur.

1.2 Kegiatan Ekonomi dan Sosial

Dari segi kegiatan ekonomi, masyarakat Jawa di Sarawak menjalankan pelbagai kegiatan, seperti perniagaan dan bekerja dengan majikan swasta dan kerajaan. Sektor perniagaan kebanyakan dalam sektor perkhidmatan penyediaan makanan dan pembinaan. Di antara pengusaha perkhidmatan penyediaan makanan adalah dari keluarga Embah Hj Tasam @ Tasem yang menjalankan perniagaan dalam empayar Warong 2000 di sekitar Sarawak. Kebanyak juga bergiat di pasar-pasar malam seperti Pasar Malam Batu 7 yang majoritinya adalah peniaga berketurunan Jawa dari Kampung Haji Baki. Di sektor perkhidmatan pembinaan masyarakat Jawa telah mempunyai syarikat-syarikat kontraktor dalam pembinaan bangunan dan pendawai elektrik serta perpaipan. Namun demikian, penglibatan masyarakat Jawa dalam bidang perniagaan ini masih lagi kecil jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain. Ramai masyarakat Jawa juga bergiat dalam bidang pertanian. Kebanyakan mereka bergiat di kawasan mereka mempunyai pemilikan tanah yang luas seperti di Kampung Sungai Menaul dan di Sadong Jaya Ulu dan Terasi di Bahagian Samarahan. Ditempat-tempat lain sektor ini tidak kurang dijalankan kerana faktor kepadatan penempatan. Oleh yang demikian, masyarakat di kawasan ini lebih memilih untuk bekerja sebagai pekerja swasta dan pemerintah. Pekerjaan mereka meliputi pelbagai sektor seperti sektor pembinaan, kuliner dan juga pendidikan.

Dari segi kegiatan sosial pula masyarakat Jawa di Sarawak telah berasimilasi dengan penduduk tempatan lain, terutamanya sekali aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat Melayu Sarawak kerana mempunyai pegangan kepercayaan agama yang sama. Terdapat juga beberapa kelompok generasi kedua dan ketiga yang juga telah berasimilasi bersama penduduk sekitar penempatan. Sebagai contoh, generasi kedua dan ketiga penduduk di Kampung Sungai Tengah Kolong 1 dan 2 yang berhampiran dengan Batu Kawa boleh berbahasa Cina (Dialek Hakka) kerana mereka berkongsi penempatan dan juga aktiviti harian dalam pekerjaan atau program sosial lain.

1.3 Adat dan Budaya



Dari segi adat dan budaya pula, penghayatannya telah berevolusi dari tahun ke tahun. Ini adalah dipengaruhi oleh persekitaran serta kurangnya inisiatif -inisiatif pelestarian budaya oleh masyarakat Jawa itu sendiri. Walaubagaimanapun masih lagi terdapat pengamal-pengamal budaya yang masih mengekalkannya dalam bentuk pelestarian musik Gamelan. Penduduk di Kampung Sri Arjuna dan Kampung Semenggo Batu 12 telah menubuhkan Kumpulan Gamelan Sarawak yang berkonsepkan genre gamelan kontemporari yang menggabungkan genre tradisional dan moden. Kumpulan Gamelan di Kampung Sungai tengah pula masih lagi mengekalkan konsep gamelan tradisional yang memainkan langgam-langgam-langgam Jawa. Gamelan ini selalunya dipersembahkan semasa majlis perkahwinan atau diistilahkan sebagai “Kondangan” oleh masyarakat Jawa. Rajah 6 menunjukkan kumpulan Gamelan Tradisional Kampung Sungai Tengah Kolong 2.



Rajah 6: Kumpulan Gamelan Kampung Sungai Tengah Kolong 2

Dari segi adat pula, masyarakat Jawa Sarawak menjalankan adat resam di sepanjang kitaran kehidupan bermula dari fasa mengandung hingga fasa kematian. Istilah-istilah adat ini adalah berdasarkan kepada kosakata yang biasa digunakan oleh masyarakat Jawa di Sarawak. Berkemungkinan istilah-istilah adat ini menjadi berbeza dari leluhur mereka sebelum ini kerana evolusi bahasa di kalangan masyarakat Jawa. Rajah 7 menunjukkan beberapa adat-adat yang masih lagi dipraktikkan oleh masyarakat Jawa di Sarawak.





Rajah 7 Adat Dalam Kitaran Hidup Masyarakat Jawa Sarawak

Masyarakat Jawa di Sarawak menghadapi cabaran dalam isu keterampilan berbanding dengan bangsa-bangsa lain di negeri Sarawak. Ini adalah kerana tiada wakil-wakil dari kalangan masyarakat Jawa yang menyerlah dalam sosio-politik di Negeri Sarawak. Mereka selalu ketinggalan ataupun tidak diketengahkan dalam upacara-upacara kebesaran negeri yang melibatkan bangsa-bangsa lain. Masyarakat Jawa juga menghadapi cabaran dari segi pengitirafan bumiputera. Secara umumnya mereka beragama Islam dan telah bersasimilasi dengan budaya Melayu di Sarawak, namun tidak mendapat keistimewaan seperti bumiputera lain.

6. Perbincangan

Secara dasarnya, kedatangan dan kewujudan masyarakat Jawa di Sarawak bermula pada 1900an. Selari dengan dapatan kajian oleh Suroso, (2020), penghijrahan masyarakat Jawa ke Sarawak adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor iaitu pertanian, permintaan buruh, ekonomi dan kelangsungan hidup. Penempatan masyarakat Jawa di Sarawak telah mengubah landskap populasi Sarawak dari sudut budaya dan sosio-ekonomi. Migrasi masyarakat Jawa ke Sarawak pada mulanya adalah kerana untuk menjadi buruh dalam pertanian dan juga sebagai pengamal budaya dalam hiburan. Pada masa sekarang, masyarakat Jawa tidak tertumpu kepada pertanian sahaja. Mereka bekerja di dalam pelbagai sektor seperti perniagaan, industri makanan, pembuatan, pendidikan, jabatan kerajaan dan juga swasta. Pola penempatan masyarakat Jawa di Sarawak pada masa sekarang, tertumpu di kawasan sekitar Kuching dan Bau. Pola ini adalah dipengaruhi faktor penempatan kampung-kampung masyarakat Jawa yang terwujud dari migrasi generasi pertama. Walau bagaimanapun, generasi baharu masyarakat Jawa telah mula menunjukkan pola taburan populasi di luar kawasan-kawasan kampung yang tersenarai dalam rajah 7. Ini disebabkan oleh perkahwinan campur dan pekerjaan.

Dari segi adat dan budaya, rata-ratanya masyarakat Jawa masih mengekalkan adat dan budaya mereka. sebagai contoh, muzik gamelan masih lagi menghiasi majlis dan dikekalkan keasliannya. Adat resam serta ritual yang tidak bertentangan dengan agama seperti kehamilan, kelahiran, perkahwinan dan kematian masih lagi diamalkan. Dapatan ini selari dengan kajian Mujiburrahmad, 2021. Masyarakat Jawa adalah satu bangsa yang unik dan menarik dari pelbagai sudut. Masyarakat Jawa mempunyai bahasa tersendiri, pakaian tradisional, makanan dan masakan, pola kepimpinan dan adat resam. Walau bagaimanapun terdapat cabaran dalam mengekalkan sesuatu bangsa terutamanya dari sudut bahasa. Bahasa Jawa masih digunakan secara meluas dalam masyarakat Jawa, terutama di kalangan orang-orang tua. Walau bagaimanapun terdapat juga yang tidak pandai atau tidak fasih berbahasa Jawa. Ini disebabkan faktor seperti perkahwinan campur di mana ibu bapa tidak bercakap dalam bahasa Jawa. selain itu, apabila orang Jawa tidak berada di kawasan sesama masyarakat Jawa, akan mengakibatkan kurang penggunaan bahasa tersebut. Ini ditambah pula dengan sesetengah ibu bapa juga tidak mendedahkan atau mengajar bahasa Jawa kepada anak-anak.

7. Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian yang telah dijalankan telah mengenalpasti sejarah awal penempatan Jawa di Sarawak, faktor-faktor migrasi, kegiatan ekonomi dan sosial, adat dan budaya serta cabaran dan harapan mereka. Secara amnya, penghijrahan permulaan masyarakat Jawa ke Sarawak pada awal 1900an sebagai buruh ladang dan pengamal budaya sebagai hiburan telah mempengaruhi landskap budaya dan sosio-ekonomi di rantau ini. Manakala migrasi dalaman di Sarawak bermula dengan penerokaan tanah yang berhampiran dengan estet dan pembelian tanah 'mixed-zone'. Dari segi kegiatan ekonomi, masyarakat Jawa di Sarawak telah menjalankan kegiatan perniagaan, pertanian dan bekerja di sektor-sektor swasta dan kerajaan. Adat dan budaya masyarakat ini telah berevolusi dari masa ke semasa kerana terpengaruh dengan persekitaran dan perkahwinan campur, serta kurangnya kegiatan pelestarian budaya oleh masyarakat Jawa itu sendiri. Namun, kelestarian muzik Gamelan masih dikekalkan di sesetengah tempat. Dari segi adat pula, segelintir masyarakat Jawa Sarawak masih mengamalkan adat dan budaya di dalam kehidupan seharian seperti fasa mengandung dan kematian. Meskipun masyarakat Jawa di Sarawak berhadapan dengan cabaran masa kini, mereka tetap tabah menanganinya di mana kebanyakan ketua masyarakat serta para penggiat budaya Jawa mempunyai harapan yang tinggi bagi memajukan masyarakat Jawa di Sarawak.

Diaspora Masyarakat Jawa di Sarawak telah membawa pelbagai perubahan, namun ianya turut menyumbang kepada kepelbagaian budaya dan pembangunan ekonomi Sarawak. Bagi mengekalkan kelestarian adat dan budaya serta bahasa Jawa di kalangan masyarakat Jawa di Sarawak, khususnya di kalangan generasi muda, pelbagai usaha perlu dipergiatkan oleh masyarakat Jawa sendiri. Kerjasama dan kolaborasi di kalangan masyarakat Jawa dari pelbagai kampung atau kawasan di Sarawak perlu ditingkatkan bagi mempergiatkan aktiviti-aktiviti kebudayaan kaum Jawa. Dengan aktiviti-aktiviti sedemikian, amalan budaya kaum Jawa dapat terpelihara, malah dapat diperkenalkan kepada masyarakat luar. Penggunaan Bahasa Jawa, samada bahasa halus atau kasar harus diamalkan di kalangan masyarakat



Jawa itu sendiri, khususnya di kalangan kelompok ahli keluarga. Di samping berusaha mempertingkatkan kegiatan sosio-ekonomi kaum Jawa di kalangan masyarakat majmuk Sarawak, Persatuan Masyarakat Jawa juga perlu utuh dan aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kelestarian adat dan budaya kaum Jawa dan sentiasa memperkasakan bahasa Jawa di dalam kehidupan seharian dan semasa majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi. Kerajaan negeri Sarawak dan masyarakat setempat perlu turut memahami dan menghargai sumbangan masyarakat Jawa ini dalam mewujudkan masyarakat yang kaya dengan adat dan budaya di Sarawak.

Rujukan

- Ahmad, A. R., Osman, M. H., Ismail, K., Yusoff, W. M. W. (2016). Modal Insan Dan Penemuan Peluang Ke Atas Eksploitasi Peluang Keusahawanan DI Kalangan Usahawan-usahawan Luar Bandar. JP, (46), 53-66. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2016-46-06>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Ghazali, M. Z., Saleh, Y., Mahat, H. (2021). Pembinaan Kerangka Konstruk Kelestarian Bandar Warisan DI Malaysia. *GEOGRAFIA*, 1(17). <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1701-16>
- Krueger, R. A., & Casey, M. A. (2009). *Focus Groups: A Practical Guide for Applied Research* (4th ed.). Sage Publications.
- Merton, R. K., Fiske, M., & Kendall, P. L. (1990). The focused interview and focus groups: Continuities and discontinuities. *Public Opinion Quarterly*, 51(4), 550-566.
- Miranda, P., Yuliati, R. (2020). Eksistensi Radio Saat Ini : Studi Preferensi & Motivasi Khalayak Dalam Mendengarkan Radio. *Indonesian Journal of Communications Studies*, 3(4), 735. <https://doi.org/10.25139/jsk.v4i3.2477>
- Mubarok, A., Ridho, A., Rozihi, R., Nadia, N. (2022). Peran Humaniora Terhadap Tradisi Sedekah Laut. *SOSAINS*, 11(2), 1227-1235. <https://doi.org/10.36418/jurnalsosains.v2i11.520>
- Mujiburrahmad, M., Nufus, T., Nufus, T. H. (2021). Pola Migrasi Dan Faktor-faktor Yang Berhubungan Dengan Migrasi Penduduk DI Kecamatan Padang Tiji. *J. Ilmu Sos. Human.*, 3(10), 419. <https://doi.org/10.23887/jish-undiksha.v10i3.34757>
- Rafianti, F., Dwijayanto, A., Dali, A. M. (2021). The Dialectics Of Islamic Law and Customary Law On Marriage Concept Of Javanese Muslim In Malaysia. *justicia*, 2(18), 298-317. <https://doi.org/10.21154/justicia.v18i2.3126>
- Sugandi, Y. S., Heryadi, D. (2018). Kebijakan Migrasi Lintas Negara Pemerintah Indonesia (Studi Kasus Pengiriman Tenaga Kerja Indonesia Ke Malaysia. *jwk*, 2(20), 41. <https://doi.org/10.31845/jwk.v20i2.20>
- Suroso, S. (2020). Motivasi Kembali Dan Pemanfaatan Remitan Buruh Migran DI Desa Senyiu Kecamatan Keruak. *gdk*, 1(4), 107-116. <https://doi.org/10.29408/geodika.v4i1.2303>